

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

SUKATAN PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN

BAGI JURUTEKNIK – GRED J17

- (Kursus Rekabentuk Grafik)

(Untuk Calon-Calon Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan)

1. Tarikh Sukatan Peperiksaan Perkhidmatan :
Diluluskan Oleh Jawatankuasa Peperiksaan Perkhidmatan
2. Matlamat Peperiksaan ini adalah:- : Matlamat peperiksaan ialah untuk mengukur kesesuaian seseorang pegawai menjawat jawatan dalam skim perkhidmatan Juruteknik J17
3. Tujuan Peperiksaan : Untuk memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat untuk pengesahan dalam jawatan Juruteknik J17
4. Pegawai Yang Layak Menduduki Peperiksaan Ini : Juruteknik dalam tempoh percubaan.
5. Sukatan Peperiksaan (termasuk masa dan soalan)
- 5.1 Soalan-soalan adalah berdasarkan perkara-perkara berikut:-
 - 5.1.1 **Kertas I** - Sila rujuk sukatan Subjek Utama (Kumpulan C)
 - 5.1.2 **Kertas II – Subjek Jabatan** [Kod Peperiksaan : J17(JKRG)KT2(K)]

Bahagian A

Soalan-soalan Am mengenai Juruteknik. Soalan aneka pilihan sebanyak 40 soalan, jawab semua. Setiap soalan 1 markah.

Bahagian B

Soalan-soalan khusus mengikut bidang tugas seperti berikut:

Soalan esei sebanyak 5 soalan, **jawab 3 soalan**.
Setiap soalan 20 markah.

- (a) Lampiran I - Juruteknik
(Elektrik/Elektrikal)
Pusat Pengajian Teknologi Industri, Jabatan Pembangunan dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik.
- (b) Lampiran II - Juruteknik
(Mekanikal)
Jabatan Pembangunan, Pusat Pengajian Sains Fizik, Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik.

- (c) Lampiran III – Juruteknik
Jabatan Pembangunan, Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan.
- (d) Lampiran IV – Juruteknik
(Elektronik/Elektrikal)
Pusat Pengajian Sains Kajihayat
- (e) Lampiran V – Juruteknik
(Kartografi)
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
- (f) Lampiran VI – Juruteknik
(Makmal Geografi)
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
- (g) Lampiran VII – Juruteknik
(Kursus Rekabentuk Grafik)
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
- (h) Lampiran VIII – Juruteknik
(Kursus Seni Arca)
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
- (i) Lampiran IX – Juruteknik
(Bahagian Kilang Kimia dan Proses Kimia)
Pusat Pengajian Teknologi Industri
- (j) Lampiran X – Juruteknik
(Elektronik)
Pusat Pengajian Teknologi Industri
- (k) Lampiran XI – Juruteknik
(Seksi Polimer)
Pusat Pengajian Teknologi Industri
- (l) Lampiran XII – Juruteknik
(Bahagian Mineral)
Pusat Pengajian Teknologi Industri
- (m) Lampiran XIII – Juruteknik
(Bidang Meniup Kaca)
Pusat Pengajian Sains Kimia
- (n) Lampiran XIV – Juruteknik
(Elektronik)
Pusat Pengajian Sains Fizik
- (o) Lampiran XV – Juruteknik
Pusat Kemudahan Teknikal Universiti, Pusat Pengajian Sains Fizik
- (p) Lampiran XVI – Juruteknik
(Elektronik)
Pusat Teknologi Pendidikan dan Media

(q) Lampiran XVII – Juruteknik
(Kimia)

- 5.1.3 Soalan : Bahagian A :
40 soalan Objektif, jawab semua.

Bahagian B :
5 soalan, jawab 3 soalan
- 5.1.4 Markah : Bahagian A – 40 markah
Bahagian B – 60 markah
- 5.1.5 Markah Penuh: 100 markah
- 5.1.6 Markah lulus : 40 markah
- 5.1.7 Masa : 3 jam

Calon-calon tidak dibenarkan merujuk kepada bahan-bahan rujukan

6. Pengecualian : Calon-calon yang telah lulus dalam mana-mana kertas adalah dikecualikan mengambil kertas tersebut.
7. Keputusan : Lulus/Kandas
8. Pemeriksa : Akan dilantik oleh Jawatankuasa Peperiksaan Perkhidmatan Universiti Sains Malaysia.
9. Bahasa : Soalan dan jawapan adalah dalam Bahasa Malaysia.
10. Permohonan : Semua permohonan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Pentadbiran, Jabatan Pendaftar, Universiti Sains Malaysia.
11. Keseringan Peperiksaan : Dua kali setahun
12. Disahkan oleh : Jawatankuasa Peperiksaan Perkhidmatan Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**SUKATAN PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN
BAGI JURUTEKNIK J17 (Kursus Rekabentuk Grafik) BAHAGIAN B**

- (Untuk Calon-Calon Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan)

Falsafah

Sukatan pelajarannya adalah berhubung rapat dengan bidang tugas sebagai Juruteknik, yakni :-

1. Membantu pengajar dalam pengawasan dan penjagaan umum segala alat dan perkakas di studio termasuk karya-karya.
2. Berkemahiran setakat perlu untuk mengendalikan, mengerjakan mesin-mesin dan proses-proses tertentu dalam rekabentuk grafik.
3. Berkemahiran setakat perlu dalam menguruskan urusan-urusan teknik pemasangan atau pelekapan carta-carta dan karya-karya.

Oleh itu sebarang ujian atau pemeriksaan yang diberikan akan melibatkan kedua-duanya jurusan teori dan praktikal.

1. Pengawasan dan penjagaan segala alat-alat di studio

Teori mudah dalam mengetahui kegunaan dan penjagaan alat-alat seperti:-

- (a) Kamera Salin
- (b) Mesin Pendua – Photo Mechanical Transfer (PMT)
- (c) Meja Cahaya
- (d) 'Projector-Viewer' (Camera Lucida)
- (e) Lampu-Lampu Merah Bilik Gelap
- (f) Alat Pembesar Foto
- (g) Alat Photo-Typositor
- (h) Kertas-kertas dan filem-filem foto termasuk jenis filem lith dan bahan-bahan kimia yang mengiringi penggunaannya.
- (i) Meja-meja dan bangku drafting dan perabot-perabot lain.
- (j) Alat-alat seperti pembaris besi, sesiku, frenchcurve dan pemaku (tacker-staple gum).
- (k) Jenis-jenis kertas seperti kadbod, warna lapis.
- (l) Bahan-bahan pelekat seperti 'rubber cement' dan gam pita.
- (m) Jenis-jenis pemotong seperti guillotine dan pisau.

Bagi ini, di mana perlu, termasuklah memahami aspek keselamatan dalam kegunaan alat-alatnya.

2. Teori dan amali dalam mengerjakan mesin-mesin dan proses tertentu mengetahui bagaimana :-

- (a) Membuat salinan termasuk pembesaran dan pengecilan karya garis (line work) dan separuh ton (half tone) dengan kamera salin dan proses PMT berserta teknik bahan litho-film.
- (b) Memproses filem ikut kegunaan developer biasa (Dektol) atau proses lithofilm.
- (c) Membesar gambar ikut alat pembesar foto biasa (Photographic enlarger) serta memprosesnya.
- (d) Menjalankan mesin 'typositor headliner'.

3. Teknik Pemasangan atau Pelekapan Gambar

Mengetahuinya daripada kerja menggam, membawa kepada kesudahan lekapan (mounting). Untuk ini termasuklah :-

- (a) Pengetahuan jenis-jenis gam.
- (b) Pengetahuan jenis-jenis kertas/kad.
- (c) Pengetahuan ukur-mengukur dan pemotongan yang baik.

20 April 2006

MAA/jab/azian..Juruteknik J17 (PKemanusiaan-Kursus Rekabentuk Grafik)